

## **GEJALA SOSIAL DALAM KOMUNITI: SATU SOROTAN PENYELESAIAN DARI PERSPEKTIF WAHYU**

Zulkifli Haji Mohd Yusoff  
Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, Uni. Malaya

### **Abstrak**

Gejala sosial dalam masyarakat berada di satu tahap yang membimbangkan pemimpin politik mahupun rakyat biasa. Berbagai pihak merasa resah dan gelisah dengan gejala berkenaan kerana dalam tempoh jangka panjang ia akan memberi kesan negatif terhadap generasi mendatang. Petanda awal keresahan dapat dilihat apabila banyak pihak saling mempersalahkan orang lain sedang pada masa yang sama gejala sosial terus subur bagai tumbuhnya cendawan di musim hujan. Kertas ini cuba untuk menyatakan bahawa masa untuk menuding jari ke arah siapa yang menjadi punca lahirnya berbagai gejala tersebut sudah berakhir. Satu langkah pro-aktif perlu dilakukan dan semua pihak perlu bertanggungjawab membendungkannya. Cadangan untuk menangani masalah ini secara berkesan cuba disorot menerusi pendekatan wahyu.

### **Pendahuluan**

Gejala sosial merupakan masalah yang sering dibicarakan dalam komuniti hari ini. Ia tidak lagi melanda masyarakat membangun tetapi telah turut melanda masyarakat sedang membangun seperti Malaysia.

Sekalipun pada setiap masa para pemimpin negara mendakwa masalah sosial berada pada tahap yang terkawal, tetapi untuk melalui masa depan yang masih panjang sudah tentu merupakan suatu perkara yang membimbangkan. Ia menjadi suatu tragedi yang menakutkan apabila para belia telah mula terperangkap dengan gejala ini. Masalah ini timbul boleh jadi berpunca dari sikap golongan dewasa yang membina institusi keluarga atas nilai yang rapuh, kemudian melahirkan anak-anak dalam bahang kepanasan dalaman dan luaran rumahtangga.

Kini, masalah ini tanpa mengenal simpati telah melanda kawasan bandar, demikian juga kawasan setinggan. Banyak pihak pening kepala dengan berfikir mencari jalan keluar terhadap permasalahan ini. Kertas ini cuba mengupas permasalahan ini dengan lebih jelas dan melihat bagaimana pandangan Islam terhadap gejala sosial.

## Bentuk-Bentuk Gejala Sosial Dalam Komuniti

Bentuk-bentuk gejala sosial jika ingin dibincangkan secara berasingan boleh dibahagikan kepada dua bahagian. Pertama secara umum yang melibatkan semua pihak samada tua atau muda. Kedua, secara khusus iaitu yang melibatkan golongan remaja. Namun, untuk menentukan garis sempadan antara keduanya bukan merupakan suatu perkara yang mudah. Ini kerana terdapat perkara yang melibatkan golongan dewasa, tetapi kini telah juga melibatkan golongan remaja. Minum arak misalnya, merupakan masalah yang dikongsi bersama antara golongan remaja dan juga dewasa. Sekalipun begitu, terdapat juga garis pemisah yang boleh dikategorikan sebagai jelas, misalnya gejala lari dari rumah. Ini merupakan permasalahan yang hanya melibatkan golongan remaja. Oleh kerana terdapat kemungkinan wujudnya persamaan, maka gejala sosial dalam kertas ini akan dibincang secara bersama dan tanpa garis pemisah antara kedua golongan.<sup>1</sup>

Antara bentuk gejala sosial yang sering melanda masyarakat dewasa ini dapat disebutkan seperti berikut:

### 1- Penyalahgunaan dadah<sup>2</sup>

Penyalahgunaan dadah bermaksud penggunaan dadah dengan tujuan yang salah terutama jika penggunaannya menjejaskan sistem urat saraf.<sup>3</sup> Penyalahgunaan dadah merupakan masalah utama Negara. Kerajaan terpaksa menanggung perbelanjaan yang besar bagi mengatasi masalah ini yang begitu ketara melanda masyarakat Melayu Islam. Menurut Agensi Dadah Kebangsaan, dalam tempoh 1996-1997 penagih baru yang dikesan adalah dari kalangan mereka yang berkelulusan PMR dan SPM.<sup>4</sup>

---

<sup>1</sup> Seseengah penyelidik membahagikan kepada tiga kategori. Pertama *hedonisme* iaitu cara hidup Barat yang begitu mementingkan sikap berpoya-poya dan pergaulan bebas tanpa matlamat hidup yang jelas. Mereka yang terlibat lazimnya terdiri daripada golongan yang tiada pedoman hidup dan bertindak sesuka hati tanpa mengira larangan Agama, adat resam dan tatasusila masyarakat Timur. Budaya *hedonisme* ini juga merupakan satu ragam hidup yang mengajak pengamalannya berhibur, berseronok, berkhayal dan mencipta imaginasi tersendiri dengan menggunakan apa sahaja cara bagi menghindarkan diri daripada ditimpa oleh masalah hidup yang semakin menekan jiwanya. Kedua *vandalisme* iaitu suatu perlakuan merosakkan harta benda awam tanpa sebarang sebab atau mendapat apa-apa keuntungan daripada perbuatan itu. Perlakuan ini lazimnya dibuat sebagai tanda protes atau luahan rasa kecewa terhadap seseorang atau sesuatu objek. Ketiga ialah masalah jenayah. Ia seperti perbuatan yang menyalahi undang-undang keselamatan Negara. Lihat Mashaliza bt Masdar, **Penglibatan Remaja Dalam Gejala Sosial: Penyelesaiannya Menurut Hukum Syarak**, (2001/2002), Latihan Ilmiah Program Pengajian Islam, Universiti Malaya, hlm 25-26

<sup>2</sup> Perkataan dadah atau drug adalah berasal dari bahasa Jerman *drog rate* (hampas atau kulit kering). Ia ditakrifkan sebagai apa sahaja *chemical substance* yang apabila masuk ke dalam badan manusia akan dapat melakukan perbuatan samada untuk kebaikan atau keburukan. Wan Azmi Ali, **Selangkah ke Kubur**, (1986), Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd, Petaling Jaya, hlm 26

<sup>3</sup> Abdul Ghafar Taib, **Dadah: Strategi dan Kawalan di Sekolah-sekolah**, (1991), Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, hlm 15

<sup>4</sup> Agensi Dadah Kebangsaan, Kementerian Dalam Negeri, hlm 13

Antara Januari hingga Jun 1997 menunjukkan peratus mereka yang mula menagih dadah sebanyak 4% bagi mereka yang tidak bersekolah, 23.9% mereka yang bersekolah rendah, 48.6% dari mereka yang berkelulusan SRP/LCE/PMR, 22% yang berkelulusan SPM/MCE/SPVM, 0.7% yang berkelulusan STP/HSC/STPM, 0.7% yang mempunyai diploma/ijazah dan 0.1% yang lain-lain. Mereka yang berkelulusan SRP/LCE/PMR merupakan golongan yang terbesar sekali menagih dadah.<sup>5</sup>

Statistik Agensi Dadah Kebangsaan (ADK) menunjukkan sebanyak 4813 penagih baru dan 5778 kes berulang dicatatkan di seluruh Negara bagi tempoh Januari hingga Mei tahun 2001. Kemudiannya seramai 60 penagih baru dikesan setiap hari turut menggambarkan betapa kritikalnya gejala penagihan dadah.<sup>6</sup>

## 2- Gangster

Kebanyakan kes gangsterisme melibatkan kecederaan yang serius dan boleh mengakibatkan kematian, kerosakan harta benda awam dan sebagainya. Kes-kes mengenai gangsterisme ini peratus tertingginya adalah melibatkan golongan remaja. Di Kuala Lumpur sekumpulan remaja berusia 16-17 tahun yang tercicir daripada persekolahan telah menubuhkan kumpulan samun. Kumpulan tersebut bergerak selepas jam 12 malam hingga awal pagi dengan menggunakan motosikal dan membuat tinjauan di sesuatu kawasan perumahan dan tempat awam sebelum meragut mangsa terutama mereka yang berjalan bersendirian di tempat sunyi.<sup>7</sup>

Pada 6 Ogos 2004 Utusan Malaysia melaporkan seorang kerani wanita mati dilanggar selepas bertengkar dalam nahas kecil. Dia mati dilanggar ole sebuah kereta Proton Waja yang menggunakan nombor pendaftaran motorsikal Modenas selepas dikatakan bertengkar dengan pemandu kereta terbabit iaitu seorang lelaki berusia dalam 20-an ekoran kemalangan kecil tersebut.<sup>8</sup> Kejadian ini merupakan satu contoh mudah bagaimana budaya samseng berleluasa masa kini.<sup>9</sup>

## 3- Melepak

Lepak merupakan satu aktiviti membuang masa secara mundar-mandir dan bersiar-siar tanpa sebarang arah tuju. Pada kebiasaannya ia berlaku

---

<sup>5</sup> Ibid

<sup>6</sup> Nor Fatiah Binti Yunus, **Gejala Sosial Di Kalangan Masyarakat Islam Di Kawasan Penempatan Setingan: Kajian Di Kampung Kerinchi Kuala Lumpur**, (2001/2002), Latihan Ilmiah Program Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, hlm 39

<sup>7</sup> **Harian Metro**, 9 Mac 2002, hlm 2

<sup>8</sup> **Utusan Malaysia**, 7 Ogos 2004, hlm 1

<sup>9</sup> Pada 9hb Ogos pihak mengesyaki kejadian ini ada kaitan dengan kes jenayah. Lihat **Utusan Malaysia**, 9 Ogos 2004, hlm 8.

dalam kelompok sekurang-kurangnya dua orang. Waktu lepak tidak terikat dengan waktu, baik siang atau malam. Kelompoknya juga terbuka kepada golongan remaja di kaki lima atau golongan tua di kedai-kedai kopi.

Besar kemungkinan mereka memilih melepak sebagai satu cara untuk lari daripada tekanan hidup. Ada juga yang melepak untuk sekadar bersenang-senang dengan kawan.<sup>10</sup> Bagi golongan tua, besar kemungkinan untuk melepaskan penat badan dan melapangkan fikiran setelah penat bekerja.

Budaya ini adalah suatu perbuatan yang negatif dan tidak produktif. Sekalipun ia bukan merupakan kes jenayah pada masa kini, tetapi tidak mustahil akan merupakan salah satu punca berlaku masalah sosial di masa akan datang.<sup>11</sup> Kehidupan remaja yang inginkan keseronokan dengan melepak di pusat membeli belah dan pusat hiburan tidak mustahil akan menjerumuskan mereka ke kancah masalah sosial yang lebih besar seperti dadah, khalwat, perlumbaan haram dan sebagainya.

#### 4- Khalwat

Khalwat dalam bahasa Arab bermaksud perihal perbuatan mengasingkan atau memencilkan diri (menenangkan fikiran dengan bertafakur dan lain-lain). Makna kedua pula ialah berdua-duaan di tempat terpencil atau tersembunyi antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram dan bukan pula suami isteri yang boleh dianggap sebagai satu perbuatan yang sungham.<sup>12</sup>

Khalwat yang dimaksudkan sebagai masalah sosial di sini ialah khalwat dengan mengasingkan diri di tempat yang sunyi antara lelaki dan perempuan yang bukan muhrim dan boleh menimbulkan fitnah. Ia merupakan satu perbuatan yang dilarang dalam Islam. Ini kerana ia merupakan permulaan kepada pezinaan. Pengharaman zina bukan setakat perbuatan itu, tetapi perilaku yang berupa mukaddimah kepadanya juga.

Kegiatan khalwat merupakan lanjutan daripada pergaulan bebas dan percampuran lelaki dan perempuan tanpa tujuan yang baik. Biasanya perbuatan ini tidak berakhir begitu sahaja bahkan akan mendorong kepada perkara buruk yang lain seperti seks bebas dan bersekedudukan tanpa sah.

---

<sup>10</sup> Zaidi bin Saleh, **Kesan Budaya Lepak di Kalangan Remaja**, (1995) Kertas Projek Fakulti Usuluddin, Universiti Malaya, hlm 61-62. Ada juga yang mengamalkan lepak kerana mahu melepaskan geram terhadap tekanan hidup, leteran ibu bapa atau kongkongan orang lain. Mereka tidak mahu gerakgeri mereka diekori setiap masa. Kehidupan remaja membuatkan mereka berasa bebas untuk melakukan segala-galanya. Lihat Ann Wan Seng, **Kerenah Remaja Hari Ini**, (1994), Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd, hlm 44

<sup>11</sup> Bagi remaja, gejala lepak merupakan suatu perbuatan yang tidak membuang masa, malah ia merupakan sebahagian daripada gaya hidup masa kini. Lihat Baharin Ramly, **Tingkhalku Remaja Membimbangkan**, **Majalah Dakwah**, (1994), bil 207, Yayasan Dakwah Islamiah, Kuala Lumpur, hlm 24

<sup>12</sup> Sheikh Othman Sheikh Halim dll, **Kamus Dewan**, (1991), cet 2, Edisi Baru, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm 623

Apabila ini berlaku, kejadian seperti pembuangan bayi kerana kelahiran yang tidak dirancang akan terjadi.

#### 5- Minum arak

Minum arak, samada sedikit atau banyak, mabuk atau tidak adalah diharamkan oleh Islam. Namun perbuatan ini dilihat sebagai suatu yang remeh oleh masyarakat hari ini. Kegiatan ini bukan sahaja mendatangkan mudarat kepada peminumnya tetapi juga kepada keluarga dan orang lain. Seseorang kaki minum akan melupakan tanggungjawab terhadap keluarga malah tercebak kepada masalah keganasan rumahtangga dan penganiayaan terhadap anak-anak.

#### 6- Lari dari rumah

Masalah anak-anak lari dari rumah adalah berkaitan rapat dengan kepincangan dalam mengendalikan rumahtangga. Remaja mudah terpengaruh dengan rakan-rakan di luar untuk mencari keseronokan kerana apabila berada di rumah mereka sering terkongkong akibat persekitaran rumah yang sempit, adik beradik yang ramai atau dimarahi ibu bapa. Tidak kurang juga sebab mereka lari adalah kerana kemiskinan keluarga, pergaduhan ibu bapa, pengaruh filem dan lain-lain.<sup>13</sup>

Menurut Berita Harian, kes lari dari rumah telah menjadi semakin serius apabila 26,092 orang telah dilaporkan hilang dalam tempoh 1990-1996 dan kebanyakannya adalah remaja.<sup>14</sup> Satu petunjuk yang mengejutkan telah menunjukkan bahawa bilangan remaja Melayu lari dari rumah adalah lebih tinggi jika dibandingkan daripada kaum-kaum yang lain.<sup>15</sup>

#### 7- Gejala bohsia

Perkataan bohsia berasal dari perkataan Hokkien yang bererti tanpa bunyi.<sup>16</sup> Oleh kerana aktiviti maksiat itu berlaku dalam gelap dan sunyi maka ia disebut awek bohsia. Mereka ini terdiri daripada gadis-gadis belasan tahun yang berumur dalam lingkungan 13-17 tahun.

Asalnya aktiviti mereka ialah menggoda remaja mat-mat motor untuk berseronok-seronok. Mereka bergaul bebas sesama mereka untuk bersuka-suka dan melakukan hubungan seks atau minum arak. Ada antara mereka yang berkongsi lebih dari seorang lelaki bagi memenuhi kepuasan yang

---

<sup>13</sup> Norazila Mohammad Nor, **Peranan Jabatan Agama Islam Melaka Dalam Menangani Gejala Sosial di Kalangan Remaja**, (2003/2004), Latihan Ilmiah Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Universiti Malaya, hlm 42

<sup>14</sup> **Berita Harian**, 28 Februari 1997, hlm 8

<sup>15</sup> Ann Wan Seng, op.cit, hlm 41

<sup>16</sup> **Remaja**, November 1994, hlm 29

diingini.<sup>17</sup> Hasil kajian yang dilakukan pada tahun 1994-1995, mendapati 24% remaja berusia 13 tahun hingga 19 tahun pernah melakukan hubungan seks. 18% pernah melakukan hubungan seks pada peringkat umur 15 hingga 18 tahun.<sup>18</sup>

#### 8- Pelacuran

Pelacuran merupakan penyakit sosial yang tertua dalam sejarah peradaban manusia. Masyarakat moden pada hari ini seolah-olah boleh menerima hakikat bahawa terlalu mustahil gejala ini dihapuskan. Ini kerana permintaan yang tinggi terhadap pelacur telah menjadi pemangkin kepada merebaknya gejala ini secara sukarela mahupun paksaan.

Menurut perangkaan Jabatan Kebajikan Masyarakat sepanjang tempoh 1993-1996, terdapat sejumlah remaja mengandung luar nikah di 10 buah institusi dimana kira-kira 456 anak luar nikah telah dilahirkan.<sup>19</sup>

### **Faktor-Faktor Pembentukan Gejala Sosial**

Terdapat beberapa faktor yang wajar disebutkan sebagai asas kepada berlakunya masalah sosial ini. Antara yang ketara ialah sikap ibubapa, pendidikan agama yang cetek, peranan rakan sebaya, pengaruh media massa dan kehidupan yang *style*

#### 1- Sikap ibubapa

Sesetengah ibubapa tidak begitu mengambil berat pertumbuhan anak-anak. Malah ada yang menswastakan tanggungjawab pendidikan anak-anak kepada pihak ketiga seperti orang gaji, *nursery*, jiran tetangga, kawan-kawan dan sebagainya.

Dalam mengejar kehidupan dan kerjaya, para ibubapa kini lebih bersikap menjadi pengurus iaitu dengan menyerahkan tanggungjawab membesarkan anak-anak kepada orang lain. Kesan dari itu telah menyebabkan rasa kasih sayang dan hormat kepada ibubapa berkurangan dan akhirnya terhakis. Apabila membesar, nasihat dan teguran daripada ibubapa akan sentiasa diingkari oleh anak-anak mereka sendiri.<sup>20</sup>

---

<sup>17</sup> Ibid

<sup>18</sup> Kajian ini telah dilakukan oleh Lembaga Perancang Penduduk dan Keluarga Negara (LPPKN). Lihat **Utusan Malaysia**, 28 Februari 1997, hlm 4

<sup>19</sup> Zool Hilmi Haji Suhaimi, **Gejala Sosial Remaja Dan Penyelesaiannya Berdasarkan Surah Luqman**, (1997/1998), Latihan Ilmiah Bahagian Pengajian Usuluddin, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, hlm 52

<sup>20</sup> Amira Syamimi Azman, Pembentukana Diri Anak Muda, **Dewan Budaya**, Februari 2001, Kuala Lumpur, Utusan Publications, hlm 19

Sebagai mengambil jalan keluar menjinakkan anak-anak, maka para ibubapa menggantikan kasih sayang tersebut dengan wang ringgit dan kemewahan.<sup>21</sup> Tidak kurang juga terdapat ibubapa yang menggantikannya dengan kebebasan lalu mereka menyalahgunakannya.

Ibubapa yang mula menyedari perasaan tidak puas hati timbul dari kalangan anak-anaknya, mengambil tindakan drastik lalu mengenakan disiplin yang terlalu ketat. Namun, disiplin yang terlalu ketat telah menimbulkan masalah baru. Anak-anak merasa terkongkong lalu mereka bersikap memusuhi ibubapa. Di luar rumah anak-anak ini bertindak agresif terhadap hartabenda dan diri orang lain.<sup>22</sup>

## 2- Pendidikan agama yang cetek

Faham keagamaan yang cetek turut membantu pertumbuhan gejala sosial. Malang bagi umat Islam jika hanya tahu tentang agamanya secara serpihan sahaja. Terdapat mereka yang faham agama itu dalam hal-hal yang berkaitan dengan ibadah sembahyang, puasa, tahlil, aqiqah dan beberapa juzuk kecil yang lain sahaja. Mereka tidak mendalami agama mereka sebagai sesuatu yang bertitik tolak dari akidah dan segala penyimpangan dari aspek hidup beragama bernoktahkan dosa dan pahala. Mereka tidak fahami hukum-hukum agama yang akan mempengaruhi sikap mereka dalam pergaulan antara lelaki dan perempuan.

Akidah, Tauhid dan Pendidikan Agama hanya diajar di peringkat sekolah sebagai satu matapelajaran akademik dan bersifat teori tanpa dihubungkan dengan kehidupan dan masalah semasa. Tauhid hanya diterangkan sebagai mengesakan Allah, Allah Tuhan Yang Satu, Allah tiada tuhan melainkannya dan biasanya berakhir setakat itu.<sup>23</sup> Mereka mungkin kurang didedahkan pemahaman Tasawur Islam lalu mewujudkan golongan yang mengatakan minyak dengan air tidak bercampur; mengakui dirinya sebagai Muslim tetapi pada masa yang sama melakukan tindakan yang tidak menunjukkan kepatuhan kepada Allah.

## 3- Peranan rakan sebaya

Elemen ini selalunya berkaitan rapat dengan gejala sosial yang berlaku di kalangan remaja. Biasanya mereka yang tidak mendapat perhatian dari rumah akan mencari rakan sebaya yang boleh memenuhi ego dan keperluan tersebut. Mereka akan menggabungkan diri mereka membentuk satu kumpulan remaja

<sup>21</sup> Abd Jalil Ali, Pil Khayal dan Penagih Melayu Terus Meningkatkan, **Dewan Masyarakat**, Februari 2002, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm 66

<sup>22</sup> Rohaty Mohd Majzub, "**Memahami asas-asas teoritis, punca delinkuensi remaja dan strategi mengatasinya**", Seminar Kebangsaan Pendidikan dan Pembangunan Sosial UKM, 7-8 November 1997, hlm 17

<sup>23</sup> Muhammad Arifin, Remaja; Mengapa Melacur?, **Dakwah**, Disember 1995, hlm 18

dan biasanya ia terdiri dari kalangan mereka yang sama jenis. Mereka yang terbabat adalah dari kalangan keluarga yang ibubapa mereka bekerja dan mengabaikan tanggungjawab terhadap anak-anak.<sup>24</sup>

Bagi remaja yang mencari kebahagiaan di luar rumah pada peringkat permulaan mereka sama-sama menghadiri 'walkstock' kononnya mencari ketenangan dengan iringan muzik. Selepas itu mereka mencuba dadah bagi mengekalkan ketenangan itu. Apabila sudah menjadi semakin gian, mereka tidak lagi dapat mengenal antara baik dan buruk. Apa yang penting pada masa itu ialah bagaimana nafsu mereka perlu dipenuhi.<sup>25</sup>

#### 4- Pengaruh media massa

Media massa tidak dinafikan memainkan peranan penting dalam pembangunan kebendaan dan mental rakyat. Banyak pihak terlupa bahawa dengan adanya media massa yang serba canggih dan berteknologi sebenarnya merupakan salah satu faktor yang boleh mempengaruhi budaya, nilai, sikap dan kelakuan sesebuah masyarakat. Mereka semakin terdedah kepada dunia yang menjadi makin kecil, terpengaruh kepada media massa melalui paparan adegan vandalisme di dalam majalah, televisyen dan internet.<sup>26</sup> Banyak majalah berunsur kisah cinta yang melampau dan seks samada dalam bentuk komik dan novel boleh mencuit emosi masyarakat lalu mencetuskan tingkah laku *immoral*. Mereka nantinya membentuk imej mereka melalui model-model ini.

Televisyen kerap kali menayangkan filem-filem yang bertentangan dengan maruah bangsa lalu merangsang kepada aktiviti maksiat.<sup>27</sup> Kesan penayangan adegan cumbu, pendedahan aurat dan berpelukan ini cukup mempengaruhi minda masyarakat. Jika tidak di televisyen, filem-filem, bahan bacaan dan gambar-gambar yang merangsang nafsu seks, kekejaman dan lain-lain boleh didapati dengan mudah di kota besar mahupun kota kecil dengan harga yang murah samada di pasar gelap atau pasar malam. Keinginan mencuba kesan dari bahan bacaan atau tontonan tadi sering membawa masyarakat kepada maksiat.

Kebanyakan filem yang dibawa masuk dari luar negara membawa norma yang bertentangan dengan budaya kita. Filem *Baywatch* dan filem *Friends* misalnya amat bertentangan dengan nilai hidup masyarakat kita. Pakaian pelakon-pelakon dalam *Baywatch* amat menjolok mata. Pergaulan bebas antara lelaki dan wanita dalam filem *Friends* dikemukakan sebagai suatu perkara yang

---

<sup>24</sup> Rohaty Mohd Majzub, op.cit.

<sup>25</sup> Mohd Reduan Aslie, **Jenayah Di Malaysia: Aliran, Punca dan Penyelesaian**, (1990), Kuala Lumpur, AMK Interaksi Sdn Bhd, hlm 272

<sup>26</sup> Mashaliza Bt Masdar, op.cit , hlm 33

<sup>27</sup> Supriadi, **Gejala Sosial: Pandangan dan Penyelesaian Menurut Islam**, (1998), Johor Bahru, Jahabersa, hlm 44

biasa sedang ia bercanggah dengan Islam. Filem-filem dari dunia *Bollywood* dengan cara pemakaian pelakon wanita yang ketat dan seksi serta elemen tahyul tidak kurang merosakkan minda masyarakat dan mendorong mereka menjadi jahat.

#### 5- Kehidupan yang *style*

Setelah masyarakat negara ini banyak terdedah kepada media massa yang menayangkan program tidak sopan, generasi baru negara telah bersedia melalui kehidupan baru yang bergaya dan berteraskan hawa nafsu. Mereka telah bersedia untuk hidup di kelilingi muzik liar, konsert rock dan gaya hidup artis. Mereka telah bersedia meniru artis bersubang satu dalam Akademi Fantasia. Mereka bergelut menguji bakat dalam *Malaysia Idol* dan lain-lain.

Kehidupan bergaya dan mahukan ketenangan sepanjang masa, mendorong anggota masyarakat sentiasa mencari jalan pintas mencapai tujuan itu. Bermula dengan lirik lagu dan irama muzik liar seperti dari kumpulan Beatles yang menyanyikan lagu *The Yellow Submarine* (kapsul dadah berwarna kuning) akhirnya mereka mencubai dadah. Ini dilanjutkan pula oleh lirik-lirik lagu yang memuja seks dan menggambarkan persetubuhan boleh memberikan kenikmatan paling atas dalam hidup, lantas mereka memuja alat kelamin. Nyanyian Paula Abdul dengan lagu bertajuk *Rush, Rush, Rush* adalah bermotifkan pemujaan seks.<sup>28</sup>

Ruang-ruang hiburan yang bercambah bagaikan cendawan tumbuh di musim hujan menjanjikan khidmat sokongan kepada kehidupan bergaya ini. Di pusat disko, kelab malam, kelab dangdut, pusat karaoke anak-anak muda berpeluang menjadi pelanggan sambil atau melakukan pekerjaan sambil.

---

<sup>28</sup> Mashaliza Bt Masdar, op.cit. hlm 36-37

## Pandangan Islam Terhadap Masalah Sosial Komuniti

Islam melihat masalah sosial adalah masalah yang berkaitan dengan komuniti manusia itu sendiri. Masalah yang timbul dalam masyarakat boleh dikatakan berpunca dari manusia itu sendiri. Oleh itu Islam melihat, masalah yang berlaku ini tidak boleh diselesaikan kecuali diselesaikan masalah manusia sebagai *human being* itu sendiri. Pertama, untuk menyelesaikan masalah manusia, pembangunan ummah hendaklah dilakukan.<sup>29</sup> Kedua, untuk menyelesaikan masalah manusia, cabang kepada masalah hendaklah dibenteras. Pendidikan yang hendak diberikan kepada masyarakat hendaklah bersepadu.

Apabila disebut perkataan pembangunan ummah, ia lazimnya dibahagikan kepada dua bahagian. Pertama pembangunan fizikal dan kedua pembangunan syakhsiyah.

Sekalipun Al-Qur'an dalam konteks pembangunan ummah ada membincangkan mengenai pembangunan fizikal, tetapi nisbah perbincangan kepada aspek pembangunan

---

29 Tetapi kenyataan ini tidak bermaksud Islam menolak pembangunan fizikal. Al-Qur'a>n tidak pernah menghalang ummah mengejar pembangunan asalkan cara pembangunan itu dicapai, diurus, ditadbir dan dimanfaatkan adalah tidak melampaui batas-batas hukum yang dibenarkan. Malah ummah perlu mencapai kemajuan dan pembangunan bagi menyaingi bangsa lain. Al-Qur'an mahukan pembangunan fizikal yang dibangunkan bukanlah pembangunan dan kemajuan yang palsu dan dibina di atas asas yang rapuh seperti kerakusan mengaut keuntungan peribadi, menindas, mengugut, rasuah, menipu, tamakkan kuasa atau mencetuskan permusuhan. Dalam hal ini, agama telah menggariskan sifat-sifat, pribadi, budaya, imej dan sistem nilai yang perlu disemai, diamal dan dihayati oleh semua agen pembangunan samada dalam merancang, menilai atau meluluskan satu-satu projek yang hendak dilaksanakan dalam sesebuah negara. Mereka semua tidak sewajarnya mengutamakan aspek material dan keuntungan semata-mata sehingga mengabaikan kebajikan, kesihatan dan keselamatan manusia dan makhluk seluruhnya. Akibat dari pengabaian ini akan membawa kepada pembaziran, kemusnahan alam seperti pencemaran udara dan air, penggondolan gunung dan pencerobohan hutan. Pembangunan fizikal sewajarnya mendatangkan kemakmuran dan kerukunan serta kesejahteraan kepada semua. Ia tidak pula menimbulkan kerosakan, kerugian dan kebinasaan kepada mana-mana makhluk baik di daratan, lautan mahupun udara. Al-Qur'a>n telah memberi ingatan kepada manusia bahawa apa jua kerosakan di muka bumi adalah disebabkan angkara dan akibat dari perilaku mereka itu sendiri. Firman Allah yang bermaksud; "Telah nampak kerosakan di darat dan di laut disebabkan perbuatan tangan manusia, supaya Allah memberi mereka merasai akibat perbuatan mereka, agar mereka kembali (ke pangkal jalan)". (Al-Ru>m: 41). Kata kunci kepada perbincangan di sini ialah, apa jua bentuk pembangunan fizikal seperti bangunan, peralatan, jentera, alat komunikasi, pengangkutan dan kenderaan yang dicipta hendaklah tidak menimbulkan kesan sampingan yang lebih mendatangkan bahaya berbanding daripada faedah kepada manusia dan makhluk lain. Sekiranya sesuatu perkara yang hendak dilaksanakan itu jelas akan mencetuskan banyak keburukan dari kebaikan, maka rancangan tersebut hendaklah dibatalkan. Dalil-dalil bagi menyokong kenyataan ini boleh dirujuk kepada al-Qur'a>n. Sebagai contoh, dalam surah al-Rah{ma>n Allah menyebut teori perimbangan dimana kalau dirosakkan, maka banyak kepincangan lain akan berlaku. Firman Allah yang bermaksud; "Dan Allah telah meninggikan langit dan meletakkan *al-Miza>n*. Supaya kamu jangan melampaui batas tentang *al-Mizan* itu. Dan tegakkanlah *al-Miza>n* itu dengan adil dan janganlah kamu mengurangi *al-Mizan*". (Al-Rahman: 7-9). Dalam Surah al-Isra', Allah menyebut teori kehancuran dimana kalau agen pembangunan itu menyeleweng, maka kehancuran akan terjadi. Firman Allah yang bermaksud; "Dan jika Kami hendak membinasakan suatu negeri, maka Kami perintahkan kepada orang-orang yang hidup mewah di negeri itu (supaya berlaku taat), tetapi mereka melakukan kedurhakaan dalam negeri tersebut, maka sudah sepantasnya berlaku terhadapnya perkataan (ketentuan Kami), kemudian Kami hancurkan negeri itu sehancur-hancurnya. Dan berapa banyak kaum sesudah Nuh telah Kami binasakan. Dan cukuplah Tuhanmu Maha Mengetahui lagi Maha Melihat dosa hamba-hambaNya". (Al-Isra':16-17)

insan adalah lebih tinggi. Ini boleh jadi kerana pembangunan fizikal adalah berkait rapat dengan pembangunan insan malah boleh dikatakan pembangunan insan menjadi tonggak kepada pembangunan fizikal ummah manusia.

Perkaitan ini ada dijelaskan oleh Allah seperti dalam firmanNya yang menjelaskan kemusnahan mereka adalah oleh kemaksiatan dan penyelewengan yang mereka lakukan.<sup>30</sup> Ini bermakna kemusnahan mereka adalah disebabkan oleh tangan mereka sendiri.

Apa yang disentuh sebentar tadi adalah dalam konteks balasan buruk. Dalam konteks balasan baik pula, al-Quran menyatakan apabila ummah membangun jiwanya maka fizikalnya juga akan terarah kepada pembangunan yang baik. Firman Allah yang bermaksud;

“Dan jika penduduk negeri-negeri beriman dan bertakwa, pastilah Kami melimpahkan kepada mereka keberkatan dari langit dan bumi...”<sup>31</sup>

Oleh kerana al-Quran bertujuan membawa manusia ke jalan kebenaran, maka beberapa formula telah diketengahkan oleh Allah Tuhan Pemilik al-Quran ini. Dia sebagai Tuhan al-Kha>liq, sudah menjadi lumrah sebagai Pencipta mengetahui selok belok bahan yang diciptaNya itu; apakah kekuatan dan kekurangannya.

Kitab al-Quran menjadi buku manual kearah sistem operasi yang melibatkan kriteria bagaimana mahu mengekalkan kebaikan dan mengekang gejala yang boleh membawa kepada kerosakan serta mengemukakan jalan penyelesaian terhadap sebarang kesilapan yang mungkin berlaku.

Bagi mencapai matlamat di atas, al-Qur'an telah meletakkan Rasulullah sebagai model kehidupan ummah. Ia bertujuan menjadikan beliau sebagai *sample* kepada pendidikan. Syakhsyah baginda diulas dengan baik oleh al-Qur'an. Seheinggakan Aisyah sewaktu memberi perlambangan syakhsyah baginda menjawab; “*akhlak baginda adalah al-Qur'an*”.<sup>32</sup>

Ummah Islam adalah ummah yang berakhlak dengan akhlak yang mulia. Seorang yang tidak berakhlak dengan akhlak yang mulia bukanlah seorang Muslim. Sabda Nabi saw yang bermaksud;

“Tidak beriman orang yang tidak beramanah, tidak beragama orang yang mungkir janji”.<sup>33</sup>

<sup>30</sup> Perhatikan sebagai contoh al-An'am: 6, al-Anfal: 54, al-Kahf: 59 dan al-Dukhan: 37.

<sup>31</sup> Maksud al-A'raf: 96

<sup>32</sup> Musnad Ahmad dalam **Mawsu'ah al-H{adi<th al-Syari>f**, siri 1.2, Mesir, Syarikah Sakhr li Baramij al-Hasib, 1991-1996, Baqi Musnad al-Ansar, hadith no. 24629

<sup>33</sup> Musnad Ahmad dalam **Mawsu'ah al-H{adi<th al-Syari>f**, ibid, Baqi Musnad al-Mukthirin, hadith no. 13145

Islam mendidik ummahnya supaya menguasai akhlak terpuji. Didikan ini dilakukan menerusi latihan-latihan keimanan. Dengan latihan tersebut seseorang dapat membiasakan diri menguasai ciri akhlak berkenaan. Alah bisa tegal biasa.

Senarai di bawah menunjukkan contoh latihan yang diketengahkan oleh al-Qur'an kepada ummah dalam rangka pembangunan diri mereka. Ia melibatkan latihan yang diwajibkan iaitu menerusi amalan fardhu dan juga latihan pilihan yang digambarkan menerusi amalan sunat.

Latihan wajib	Hasil Yang Diharapkan	Surah dan Ayat
Solat	→ Insan yang selamat dari Fahsya'	Al-Ankabut: 45
Puasa	→ Insan bertaqwa	Al-Baqarah: 183
Zakat	→ Insan yang bersih harta dan badan	Al-Tawbah: 103
Haji	→ Insan yang menjaga kehormatan	Al-Baqarah: 197

Rajah 1: Latihan wajib seperti yang digambarkan oleh ibadah wajib

Latihan Pilihan	Hasil Yang Diharapkan	Surah dan Ayat
Sedekah	→ Insan yang tahu menjaga perasaan orang lain	Al-Baqarah: 264
Membiayai anak yatim	→ Simpati terhadap insan yang tidak bernasib Baik	Al-Dhuha: 9-10
Solat malam	→ Berbudi pekerti mulia	Al-Isra': 79

Rajah 2: Latihan pilihan seperti yang digambarkan oleh ibadah pilihan.

Semua pihak mestilah sama-sama bertanggungjawab dan berlapang dada untuk menyelesaikan masalah ini. Para ibubapa mesti bersikap serius membimbing anak-anak mereka kepada masa depan yang gemilang. Para guru perlu menjadikan ilmu yang diajar bukan sebagai teori, sebaliknya diri mereka hendaklah menjadi cermin kepada murid-murid.

Para anggota masyarakat tidak boleh memandang remeh terhadap Pendidikan Agama. Jika mereka tidak ada kesempatan dan kemahiran, mereka hendaklah menghantar anak-anak mereka mendapat Pendidikan Agama secara terurus. Anak-anak yang celik al-Qur'an akan menjadi pendinding kepada mereka dari mudah terpengaruh dengan budaya songsang.

Mereka yang berada di pusat kuasa perlu melihat segala masalah ini bukan sebagai elemen mengaut keuntungan perniagaan *sms*, filem dan bahan cetak, sebaliknya melihat

kemusnahan jenerasi akibat perkara-perkara yang tidak dipantau akan memberi kesan buruk kepada masa depan negara. Dengan peningkatan permasalahan sosial yang lahir di persekitaran remaja pada hari ini, menjadi penunjuk bahawa pembasmian dan pemantauan sejauh ini adalah bersikap sambil lewa. Masa lapang remaja yang sepatutnya di isi dengan perkara yang berfaedah telah diambil alih oleh peranan media yang menjerumuskan mereka ke kancah kemunkaran. Rakan-rakan tempat mereka berkongsi idea telah menjadi jebak kepada pemusnahan akhlak dan masa depan kerana batas pergaulan yang tidak diikat oleh halal dan haram. Dengan sikap ibubapa yang tidak pernah mengambil tahu dengan siapa mereka berkawan dan kepincangan keluarga yang tidak di asaskan kepada *tafa<hum* dan taqwa telah menjadikan anak-anak berada dalam lembah neraka dan mencari kerehatan di luar rumah. Ibumama yang gagal menjadi model terbaik bagi mereka telah diambil oleh *idol* yang lain lalu mencernakan nilai baru kepada kehidupan mereka. Persekitaran rumah yang tidak dihiasi dengan solat dan ibadah telah menambah panaskan suasana rumah lalu mereka berkejar keluar dan terbentuklah insan yang berjiwa protes.

Masa masih belum terlambat jika semua pihak serius melihat masalah sosial dalam komuniti sebagai masalah bersama. Bagi masyarakat Islam mereka hendaklah kembali kepada al-Qur'a>n dan al-H{adi<th yang menjadi panduan hidup untuk mereka sepanjang zaman. Dalam keadaan peraturan dan kuatkuasa undang-undang begitu longgar terhadap masalah sosial, institusi keluarga merupakan benteng pertahanan yang berperanan membendung perkara ini daripada terus berlaku. Penggunaan *internet* di rumah hendaklah berasaskan jadual yang baik dan sentiasa dalam kawalan. Program di televisyen hendaklah ditonton secara terarah.

## Kesimpulan

Dari penelitian yang dilakukan, kebanyakan gejala sosial dalam komuniti mula berlaku di peringkat usia remaja dan juga semasa anak-anak di bangku persekolahan. Masalah ini perlu dilihat dalam konteks mata rantai. Dimana ia tidak akan terjadi sekiranya golongan dewasa tidak memulakannya. Perlakuan orang dewasa atau ibubapa kepada anak-anak akan mudah dicontohi oleh anak-anak. Pengawasan yang tidak berlaku di peringkat orang dewasa menjadikan anak-anak terjebak ke kancang maksiat. Pemantauan di peringkat pusat kuasa yang tidak berlaku secara serius telah menjadi pemangkin kepada permasalahan sosial tidak berpenghujung dengan noktah penurunan, bahkan graf terus meningkat naik setiap tahun.

Seandainya anak-anak yang baru lahir, tumbuh membesar dalam kelompok yang sihat, maka akan baiklah anak-anak itu. Demikian pula sebaliknya. Oleh itu dalam menangani permasalahan ini, Islam telah menitik beratkan kepada penyelesaian di peringkat akar umbi iaitu manusia itu sendiri. Al-Qur'a>n melihat manusia merupakan agen pembangunan yang utama di muka bumi. Berjaya atau tidak pembangunan di dunia, adalah bergantung kepada manusia. Oleh kerana itu, pembangunan sumber manusia menjadi fokus utama pembangunan al-Qur'a>n. Sumber manusia menjadi penentu dan kayu ukur kepada keupayaan satu-satu pembangunan yang dibina. Hanya manusia yang mempunyai syahsiyah tinggi sahaja mampu menjamin pembangunan fizikal terus mantap. Pembangunan menurut al-Qur'a>n mestilah menyediakan tenaga manusia dan barisan pelapis yang baik bagi mengisi tamadun alaf baru dan mencukupi syarat untuk melaksanakan pembangunan yang cemerlang serta seimbang. Firman Allah (swt) yang bermaksud:

“Dan hendaklah takut kepada Allah orang-orang yang seandainya meninggalkan di belakang mereka anak-anak yang lemah...”<sup>34</sup>

---

<sup>34</sup> Maksud al-Nisa’: 9